BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No: 10/07/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum 1800 pada hari Rabu, 31 Oktober 2007

Perkembangan Monetari dan Kewangan September 2007
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pembiayaan bersih sektor swasta meningkat pada kadar yang lebih cepat pada bulan September, mencerminkan peningkatan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan.

- Kadar pinjaman purata bank perdagangan adalah lebih rendah sedikit pada bulan September.

- Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat.

- Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 1.8%.

- Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih institusi perbankan terus bertambah baik kepada 3.5%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No: 10/07/10

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum 1800 pada hari Rabu, 31 Oktober 2007

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN SEPTEMBER 2007

Pada bulan September, pembiayaan kasar kepada sektor swasta meningkat berikutan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dan terbitan baharu sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul mengembang pada kadar tahunan 8.9%. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 14.8%. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi sektor perniagaan dan isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang positif.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatifnya stabil. Kadar deposit tetap tidak berubah manakala kadar pinjaman purata bank perdagangan lebih rendah sedikit pada bulan September.

Pada tempoh 1 September – 30 Oktober 2007, kadar pertukaran ringgit mencerminkan aliran perdagangan dan pelaburan dua hala. Bersama-sama dengan mata wang serantau lain, ringgit menambah nilai ekoran prospek pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang terjejas berikutan krisis dalam pasaran hutang dan kemerosotan yang ketara dalam pasaran perumahan.

Jangkaan pasaran terhadap pengurangan selanjutnya dalam kadar *Fed Fund* AS juga menjejaskan dolar AS. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 4.7% pada tempoh ini. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 1% hingga 3.8%, tetapi menyusut nilai sedikit berbanding dengan dolar Singapura (0.3%) dan peso Filipina (1.7%).

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index, IHP), lebih rendah sedikit pada 1.8% pada bulan September. Kesan harga yang lebih tinggi bagi kategori *makanan di rumah*, dan *restoran dan hotel* terhadap inflasi keseluruhan sebahagiannya dikurangkan oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau*. Kategori *pakaian dan kasut*, dan *komunikasi* juga terus mengalami penurunan harga.

Wang secara kecil atau M1 meningkat 18.5% pada bulan September, berikutan penempatan deposit permintaan dan mata wang dalam edaran yang lebih tinggi. Wang secara luas atau M3 mengembang 12.3%. Pada asas bulanan, peningkatan M3 disebabkan tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih tinggi dan operasi luar negeri yang mengembang.

Permodalan sistem perbankan secara relatifnya terus stabil dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) pada 13%, meskipun terdapat agihan keuntungan oleh institusi perbankan. Nisbah NPL (non-performing loans, NPL) bersih terus bertambah baik kepada 3.5%, didorong terutamanya oleh pengelasan semula NPL kepada status berbayar dan hapus kira pinjaman yang berterusan.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh I September – 30 Oktober, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan terus tidak berubah pada bulan September dan Oktober. Pada 15 Oktober 2007, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan deposit antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam lingkungan 3.08% dan 3.70%. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) adalah lebih rendah pada 6.30% pada bulan September (6.35% pada bulan Ogos).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil



Kadar antara bank lain secara relatif terus stabil



Bank Negara Malaysia menyuntik mudah tunai ke dalam sistem pada bulan September terutamanya untuk mengimbangi operasi Kerajaan yang memberikan kesan penguncupan



ALR bank perdagangan lebih rendah sedikit



Nisbah pembiayaan-deposit dan pinjaman-deposit meningkat pada bulan September disebabkan pertumbuhan pembiayaan mengatasi peningkatan deposit



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Ogos 07	3.08	3.15	3.29	3.38	3.70
Sep 07	3.08	3.15	3.29	3.38	3.70
15 Okt 07	3.08	3.15	3.29	3.38	3.70

Kadar FD purata tidak berubah



Kadar FD 3 bulan benar meningkat disebabkan penyederhanaan inflasi

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 September – 30 Oktober 2007, kadar pertukaran ringgit mencerminkan aliran perdagangan dan pelaburan dua hala. Bersama-sama dengan mata wang serantau lain, ringgit menambah nilai ekoran prospek pertumbuhan ekonomi AS yang terjejas berikutan krisis dalam pasaran hutang dan kemerosotan yang ketara dalam pasaran perumahan. Jangkaan pasaran terhadap pengurangan yang selanjutnya dalam kadar *Fed Fund* AS juga menjejaskan dolar AS. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 4.7% pada tempoh ini. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 1% hingga 3.8%, tetapi menyusut nilai sedikit berbanding dengan dolar Singapura (0.3%) dan peso Filipina (1.7%).



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS …



… serta berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 06	Ogos 07	Sep 07	30 Okt 07	Akhir Dis 06 - 30 Okt 07	Akhir Ogos 07 - 30 Okt 07
Dolar AS	3.5315	3.5045	3.4170	3.3470	5.5	4.7
Euro	4.6460	4.7775	4.8410	4.8224	-3.7	-0.9
Paun sterling	6.9315	7.0460	6.9167	6.8962	0.5	2.2
100 yen Jepun	2.9675	3.0335	2.9649	2.9247	1.5	3.7
Dolar Singapura	2.3028	2.2980	2.2916	2.3053	-0.1	-0.3
100 baht Thailand	9.8111	10.2113	9.9723	9.8398	-0.3	3.8
100 peso Filipina	7.2027	7.4835	7.5992	7.6111	-5.4	-1.7
100 rupiah Indonesia	0.0393	0.0372	0.0373	0.0367	6.9	1.3
100 won Korea	0.3797	0.3726	0.3726	0.3689	2.9	1.0
Renminbi China	0.4523	0.4645	0.4548	0.4479	1.0	3.7

Kadar inflasi terus rendah pada 1.8%

Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 1.8% pada bulan September 2007 (Ogos: 1.9%). Kenaikan inflasi berpunca terutamanya daripada kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*, yang mencatat kenaikan sebanyak 3% pada bulan itu (Ogos: 2.8%), disebabkan harga yang lebih tinggi bagi barangan makanan dalam kategori *makanan di rumah*. Kadar kenaikan harga bagi kategori *restoran dan hotel* juga lebih tinggi pada 4.5% (Ogos: 4.2%). Walau bagaimanapun, kesan terhadap inflasi keseluruhan sebahagiannya dikurangkan oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau*, berikutan luputnya kesan cukai eksais atas minuman alkohol yang lebih tinggi, yang telah diumumkan dalam Bajet 2007. Selain itu, kategori *pakaian dan kasut*, dan *komunikasi* juga terus mengalami penurunan harga.



Inflasi menjadi sederhana kepada 1.8% pada bulan September



Inflasi harga pengeluar menjadi sederhana pada bulan Ogos

Pada bulan Ogos, kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 2.4% (Julai: 2.6%). Ini disebabkan terutamanya oleh kadar inflasi yang lebih perlahan dalam sektor berkaitan komoditi, yang mengimbangi sebahagian daripada kenaikan inflasi dalam sektor berkaitan bukan komoditi.



Nota: Pada bulan Julai 2007, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kadar kenaikan IHPR menjadi sederhana pada bulan Ogos

Pertumbuhan M3 lebih tinggi pada bulan September

Wang secara kecil atau M1 meningkat 18.5% pada bulan September (Ogos: 17.8%) berikutan penempatan deposit permintaan dan mata wang dalam edaran yang lebih tinggi. Wang secara luas atau M3 mengembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 12.3% (Ogos: 11.8%). Pada asas bulanan, tuntutan yang lebih tinggi terhadap sektor swasta, ekoran peningkatan pinjaman dan pegangan PDS yang lebih tinggi oleh bank, menyumbang dengan ketara kepada peningkatan M3. Operasi luar negeri bersih juga memberikan kesan pengembangan, mencerminkan peningkatan aset asing bersih sistem perbankan. Walau bagaimanapun, tuntutan bersih terhadap Kerajaan menurun disebabkan hasil daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia ditempatkan di Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 07	**Jul 07**	**Ogos 07**	**Sep 07**
M3	-10.6	11.3	1.7	2.6
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-8.1	5.8	6.6	-1.8
Tuntutan terhadap sektor swasta	7.0	17.0	7.3	9.2
Pinjaman	*2.7*	*2.1*	*3.3*	*8.1*
Sekuriti	*-4.7*	*0.3*	*1.5*	*1.0*
Operasi luar bersih *	-6.4	-3.9	-23.0	5.1
Pengaruh lain	-3.2	-7.6	10.8	-9.9

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak untuk mengambil kira "deposit lain" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan lebih tinggi pada bulan September

Jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat sebanyak RM4.8 bilion pada bulan September atau pada kadar tahunan 12% (Ogos: 12.2%). Deposit yang lebih tinggi ini mencerminkan terutamanya penempatan deposit oleh institusi kewangan, terutamanya institusi kewangan bukan bank. Deposit individu dan Kerajaan Persekutuan juga lebih tinggi. Mengikut jenis, peningkatan deposit terutamanya adalah dalam bentuk "deposit lain", yang sebahagiannya disebabkan pindahan daripada instrumen deposit boleh niaga (negiotiable instrument of deposit, NID) kepada deposit pasaran wang jangka pendek.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 07	**Jul 07**	**Ogos 07**	**Sep 07**
Kerajaan Persekutuan	4,116	-1,732	-381	1,183
Kerajaan Negeri	-265	643	779	-458
Badan Berkanun [1]	-3,047	791	-291	372
Institusi Kewangan	-14,978	-11,737	-10,140	6,767
Perusahaan Perniagaan	2,531	5,798	2,404	-5,242
Individu	1,590	1,166	2,506	2,694
Lain-lain [2]	-3,287	-550	118	-455
Jumlah	-13,341	-5,621	-5,004	4,860

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 07	**Jul 07**	**Ogos 07**	**Sep 07**
Deposit tetap	-1,315	3,606	-5,243	-1,929
NID	-16,757	-18,354	-7,179	-1,935
Deposit permintaan	2,570	1,312	781	-17
Deposit tabungan	938	471	63	7
Perjanjian beli balik (Repo)	-29,221	-31,375	-2,495	956
Deposit mata wang asing	2,096	-561	418	-598
Deposit SPI	96	1,240	2,011	-1,218
Lain-lain[1]	28,252	38,039	6,640	9,595
Jumlah	-13,341	-5,621	-5,004	4,860

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat

Pada bulan September, pembiayaan kasar kepada sektor swasta berjumlah RM54.5 bilion (Ogos: RM50 bilion), mencerminkan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dan terbitan baharu PDS. Lebih separuh daripada jumlah terbitan PDS baharu pada bulan itu adalah daripada sektor kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan harta tanah. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul mengembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 8.9% (Ogos: 8%).



Peningkatan pembiayaan kasar sektor swasta disebabkan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dan terbitan baharu PDS



Penunjuk pinjaman utama terus kukuh

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Ogos	September	Ogos	September
Jumlah				
Permohonan pinjaman	41.7	42.5	52.5	58.3
Kelulusan pinjaman	25.2	23.7	54.5	45.2
Pengeluaran pinjaman	48.2	50.5	15.2	18.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.4	7.8	8.6	9.5
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	22.3	24.7	51.5	70.9
Kelulusan pinjaman	13.4	13.3	71.3	61.4
Pengeluaran pinjaman	32.9	36.1	11.4	19.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.8	5.6	12.8	14.8
PKS[2/]				
Permohonan pinjaman	9.9	9.7	47.8	34.1
Kelulusan pinjaman	5.3	5.3	30.0	54.0
Pengeluaran pinjaman	12.3	12.0	5.3	9.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.3	1.4	5.9	7.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	19.4	17.9	53.7	43.7
Kelulusan pinjaman	11.8	10.4	39.1	28.6
Pengeluaran pinjaman	15.2	14.4	24.2	13.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.4	2.2	7.2	7.3

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh dengan sektor isi rumah dan sektor perkilangan menerima bahagian terbesar

Penunjuk pinjaman utama terus mencatat kadar pertumbuhan yang positif pada bulan September. Permohonan dan pengeluaran pinjaman lebih tinggi pada bulan itu, terutamanya didorong oleh permintaan pinjaman daripada sektor perniagaan. Permohonan pinjaman yang lebih tinggi adalah daripada sektor pertanian, pembinaan, dan kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. Peningkatan pengeluaran pinjaman didorong terutamanya oleh pengeluaran dana di bawah satu kemudahan pinjaman penyambung bersindiket yang besar, yang

ditunjukkan dalam sektor pengangkutan, pembinaan dan perhubungan. Peningkatan dalam pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor kewangan insurans dan perkhidmatan perniagaan juga ketara. Sebaliknya, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah secara relatif terus stabil.

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Ogos: 8.6%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing mengembang pada kadar pertumbuhan tahunan 14.8% dan 7.3% (akhir bulan Ogos: masing-masing 12.8% dan 7.2%)

Dana yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada bulan September berjumlah RM6.9 bilion, peningkatan daripada jumlah dana yang diperoleh sebanyak RM5.3 bilion pada bulan Ogos. Sejumlah besar dana diperoleh sektor awam melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia 20 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan. Selepas menyelaras bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM6.2 bilion, peningkatan daripada jumlah dana yang diperoleh sebanyak RM3.6 bilion pada bulan sebelumnya. Dalam sektor swasta, jumlah dana kasar yang diperoleh ialah sebanyak RM4 bilion, terutamanya melalui terbitan PDS, khususnya bagi tujuan aktiviti baharu dan pembiayaan semula. Sejumlah besar daripada terbitan itu adalah daripada sektor kewangan. Selepas menyelaras bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM705 juta, berbanding dengan RM1.7 bilion yang diperoleh pada bulan sebelumnya.

Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal



1/ Termasuk Bon Cagamas

KLCI meningkat semula berikutan pembetulan dalam pasaran ekuiti global

Pada bulan September 2007, KLCI meningkat 4.9% untuk ditutup pada 1336.3 ekoran sentimen pasaran yang positif berikutan pengurangan kadar *Fed Fund* AS. Sektor perladangan, pembinaan dan harta tanah merupakan pendorong utama prestasi KLCI. Permodalan pasaran meningkat kepada RM1,031.3 bilion (akhir bulan Ogos: RM985 bilion), manakala urus niaga purata harian menurun kepada 959.3 juta unit (Ogos: 1,232.5 juta unit)



Pasaran ekuiti serantau pulih semula

Pada 30 Oktober 2007, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,412.8 mata (semenjak akhir bulan September: +5.7%). Permodalan pasaran keseluruhan adalah lebih tinggi pada RM1,090.2 bilion (semenjak akhir bulan September: +5.7%) dan aktiviti dagangan meningkat dengan urus niaga purata harian sebanyak 1,649.3 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM335.4 bilion (bersamaan USD98.2 bilion) pada 28 September 2007. Paras rizab pada 28 September 2007 telah mengambil kira peningkatan nilai rizab disebabkan penilaian semula suku tahunan, berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku ketiga. Pada 12 Oktober 2007, rizab antarabangsa bank Negara Malaysia berjumlah RM336.5 bilion (bersamaan USD98.5 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan ialah 7.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan kukuh dengan pinjaman tak berbayar terus menurun

Tahap permodalan sistem perbankan terus kukuh. RWCR dan nisbah modal teras masing-masing stabil pada 13% dan 10.1% pada akhir bulan September 2007 meskipun terdapat pengagihan keuntungan oleh institusi perbankan. Sementara itu, kualiti aset bertambah baik dengan nisbah NPL terus menurun kepada 3.5% daripada pinjaman bersih. Perkembangan positif ini disorong terutamanya oleh pengelasan semula NPL kepada status berbayar dan hapus kira pinjaman yang berterusan oleh institusi perbankan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Jul 07	Ogos	Sep 07
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.6	10.4	10.1
RWCR	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.5	13.3	13.0
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.8	3.6	3.5
Jumlah (RM juta)	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	23,412	22,389	21,900
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Tahap permodalan sistem perbankan terus kukuh



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

Paras NPL terus menurun

Bank Negara Malaysia
31 Oktober 2007

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jul 07		Ogos 07		Sep 07	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		59.3	10.4	61.8	13.2	62.9	14.5
M1		152.3	18.5	154.3	17.8	156.3	18.5
M2		758.7	13.3	760.6	11.7	764.5	12.2
M3		799.9	13.4	801.6	11.8	804.2	12.3
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		834.2	14.2	829.1	12.2	834.0	12.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		631.7	8.2	637.1	8.6	645.0	9.5
Nisbah pinjaman-deposit (%)		73.4		74.6		75.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		81.8		83.0		83.5	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		39.0	55.5	41.7	52.5	42.5	58.3
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		25.5	77.4	25.2	54.5	23.7	45.2
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		60.6	38.6	48.2	15.2	50.5	18.0
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		41.1	6.0	42.2	6.1	40.3	2.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.5		13.3		13.0	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		3.8		3.6		3.5	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		340.0		334.1		335.4	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		98.5		96.8		98.2	
Bilangan bulan import tertangguh		8.8		8.7		8.7	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.50]		3.49 [3.49]		3.50 [3.50]	
	Seminggu	3.52 [3.52]		3.51 [3.52]		3.53 [3.52]	
	1 bulan	3.57 [3.55]		3.55 [3.54]		3.54 [3.54]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.08		3.08		3.08	
	3 bulan	3.15		3.15		3.15	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.34		6.35		6.30	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		105.7	1.6	105.9	1.9	106.0	1.8
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		132.2	2.6	132.5	2.4	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.4540		3.5035		3.4170	
Euro		4.7380		4.7860		4.8410	
Paun Sterling		7.0197		7.0601		6.9167	
100 Yen Jepun		2.9044		3.0259		2.9649	
Dolar Singapura		2.2851		2.3007		2.2916	
100 Baht Thailand		10.2114		10.2054		9.9723	
100 Peso Filipina		7.6180		7.5062		7.5992	
100 Rupiah Indonesia		0.0376		0.0372		0.0373	
100 Won Korea		0.3756		0.3728		0.3726	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	3.6		3.6		6.2	
	swasta	-3.9		1.7		0.7	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,373.7		1,273.9		1,336.3	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		1,077.3		985.0		1,031.3	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.